

OKU, graduan diberi perhatian

KUALA LUMPUR 9 Jun - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, nasib golongan yang memerlukan terutama orang kurang upaya (OKU) mesti terus terbela agar mereka turut merasai nikmat pembangunan kejayaan negara.

Perdana Menteri berkata, tanggungjawab itu bukan sahaja terletak di bahu kerajaan, malah setiap individu perlu melakukan amal jariah kepada golongan tersebut untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik.

“Sebab itulah saya minta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terus menghulurkan bantuan sekurang-kurangnya RM300 sebulan secara bertenusan.

“Kita perlulah melakukan amal jariah kepada golongan OKU supaya nasib mereka terus terbela bukan sahaja oleh kerajaan, tetapi tanggungjawab kita sebagai individu, sebagai insan biasa untuk membantu orang kurang bernasib

baik supaya mereka juga akan merasai nikmat pembangunan kejayaan negara Malaysia,” katanya dalam rakaman video yang dimuat naik menerusi Facebook beliau, hari ini.

Perdana Menteri semalam sempat meluangkan masa bersama sekumpulan OKU dan meraikan mereka selain berkongsi kemeriahan bulan Ramadan di Bazar Ramadan Putrajaya.

Sementara itu menerusi akaun Twitternya, Perdana Menteri menegaskan, kerajaan di bawah kepimpinan Barisan Nasional (BN) sangat komited memperjuangkan kepentingan graduan di negara ini.

Beliau berkata, kepentingan golongan tersebut terjaga dengan memastikan peluang pekerjaan tersedia luas untuk mereka.

“Cara terbaik jamin peluang pekerjaan ini adalah terus memastikan ekonomi negara berkembang pesat seperti yang telah kita kecapai selama ini,” katanya.